

Kos sara hidup, bantu B40 dijangka antara tumpuan



**Mutazar
Abd Ghani**

bhbiz@bh.com.my

» *Kerajaan sedaya upaya mahu penuhi harapan pelbagai pihak*

Saban tahun, pada setiap kali pembentangan bajet, pelbagai pihak menaruh harapan agar memperoleh limpahan manfaat daripada pengumuman belanjawan tahunan negara itu, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Bagi individu yang berkerja makan gaji atau menjalankan perniagaan misalnya, mereka mengharapkan akan ada pengurangan cukai pendapatan atau pelepasan cukai tertentu, manakala sektor korporat pula meng-

harapkan pengurangan cukai korporat, selain insentif untuk industri. Bagi kakitangan awam, pengumuman paling ditunggu-tunggu ialah pemberian bonus.

Umumnya kerajaan sedaya upaya berusaha untuk memenuhi harapan pelbagai pihak dalam setiap pembentangan bajet. Namun disebabkan kekangan belanjawan dan bagi mengimbangi di antara hasil dan perbelanjaan kerajaan (yang meliputi perbelanjaan mengurus dan pembangunan), agak mustahil semua harapan berkenaan dapat dipenuhi.

Sehubungan itu, keutamaan atau tumpuan kerajaan dalam pembentangan bajet akan banyak bergantung kepada situasi ekonomi sepanjang tahun ini dan jangkaan keadaan ekonomi pada tahun hadapan.

Kurang memberangsangkan

Suasana ekonomi negara kurang memberangsangkan tahun ini yang bermula dengan kejatuhan mendadak lebih 50 peratus harga minyak global sejak akhir tahun lalu serta kejatuhan harga komoditi lain seperti minyak sawit dan getah, bukan

sahaja menjejaskan pendapatan individu dan syarikat yang bergiat dalam industri terbabit, malah ia turut menjejaskan hasil negara yang diperoleh menerusi royalti minyak.

Selain itu, penyusutan berte-rusan nilai ringgit, pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) serta kenaikan kadar tol baru-baru ini, turut menyebabkan kenaikan kos operasi perniagaan, sekali gus menyumbang kepada kenaikan harga barang dan perkhidmatan.

Bersandarkan senario itu, pembentangan Bajet 2016 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Jumaat ini, dijangka berpaksi sebagai bajet rakyat yang antara lain akan menumpukan usaha untuk meringankan beban kos sara hidup yang semakin meningkat.

Tumpuan terutama akan difokuskan kepada usaha membantu golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40), selain golongan miskin bandar yang bilangannya kian bertambah. Ia bagi

membantu golongan terbabit menampung kos sara hidup, kos pendidikan dan kos pemilikan perumahan, sekali gus membolehkan mereka menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

Isu pemilikan rumah terutama di kawasan bandar kini semakin kritikal juga dijangka mendapat perhatian dalam bajet tahun hadapan. Dengan rumah harga meningkat berlipat ganda dalam tempoh singkat, menyebabkan semakin ramai warga bandar termasuk pembeli rumah pertama kali, tidak mampu membeli rumah sendiri.

Kaji selidik oleh Institut Penyelidikan Khazanah baru-baru ini mendapati pasaran hartanah Malaysia berdepan masalah akibat kos pemilikan rumah yang terlalu mahal dan tidak mampu dimiliki.

Walaupun kerajaan menerusi Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) berusaha untuk membina sebanyak mungkin rumah mampu milik, namun disebabkan bilangannya yang terhad

dan tempoh pembinaannya yang mengambil masa, menyebabkannya hanya sebilangan kecil memperoleh manfaat itu.

Pacu pembangunan

Dalam pada itu, memandangkan Bajet 2016 adalah bajet pertama Rancangan Malaysia Ke-11 (RM-Ke-11) yang dibentangkan di Parlimen pada Mei lalu, kerajaan juga dijangka akan memastikan peruntukan perbelanjaan yang sewajarnya untuk memacu pembangunan bagi lima tahun akan datang, sejajar matlamat untuk menjadi negara maju pada 2020.

Peruntukan perbelanjaan penting itu ke arah meningkatkan produktiviti, antaranya membina infrastruktur kereta api dan jalan raya serta rangkaian jalur lebar, pelaburan dalam pembangunan kemahiran, memperkasa perusahaan kecil dan sederhana serta menggalakkan pembangunan mapan (akan) terus berjalan lancar.

Sejajar dengan RMKe-11 yang memberi tumpuan kepada rakyat, bajet tahun depan juga dijangka lebih fokus kepada pembangunan modal insan melalui pendidikan dan latihan.

Kerajaan sedaya upaya mahu memakbulkan segala harapan dan hasrat pelbagai pihak dan sektor di negara ini. Namun pada masa sama, ia turut mempunyai obligasi untuk memastikan ekonomi negara terus berkembang kukuh di masa depan, terutama dalam mencapai status negara maju pada 2020.

